

## UCAPAN BAJET DBKL 2014

Oleh

Y.BHG DATUK SERI HJ. AHMAD PHE SAL BIN HJ. TALIB  
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

24 DISEMBER 2013

**“BANDARAYA LESTARI WARGAKOTA SEJAHTERA”**

*Bismillahir rahmannir rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

### **PENDAHULUAN**

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marijah kita merafakkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan izin dan kurnia-Nya juga,dapat saya buat kali keduanya sejak dilantik memegang amanah selaku Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Julai 2012 membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2014 pada hari ini.
  
2. Bajet 2014 memberi tumpuan kepada usaha memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan wargakota. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan DBKL terus *releven* dalam memberi perkhidmatan dan tadbir urus yang efektif dan efisien serta tidak meminggirkan prinsip “value for money”.


3. Cabaran persekitaran sosial dan pembangunan yang semakin pesat menuntut satu perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi citarasa warga kota dan keperluan pelanggan DBKL yang melibatkan 2.0 juta pengguna perkhidmatan perbandaran termasuk 1.7 juta warga kota.
4. Scenario ini hanya akan dapat dicapai dengan strategi dan perancangan kewangan yang cekap dan teratur di samping mendapat sokongan Kerajaan dan penglibatan warga kota di dalam menjayakan setiap program yang dirancang.

### **PRESTASI KEWANGAN DBKL**

5. Prestasi Kewangan 2012 yang telah diaudit dan dibentangkan di Parlimen (Dewan Rakyat) menunjukkan prestasi yang memberansangkan dan prestasi kewangan ini dijangka akan lebih baik bagi tahun kewangan 2013.
6. Untuk makluman, DBKL sentiasa menguruskan kewangan secara berkesan dan teratur di mana bagi tahun kewangan 2012, DBKL sekali lagi dianugerahkan Sijil Bersih (Tidak Berteguran) oleh Kedua Audit Negara.
7. Berasaskan kepada prestasi yang baik ini, DBKL dapat menyediakan Bajet 2014 dan merupakan bajet yang lebih besar berbanding tahun sebelumnya. Bajet ini disediakan bukan sahaja untuk melaksanakan program dan aktiviti operasi tetapi juga kesinambungan kepada projek pembangunan 2013 di samping penambahan beberapa projek baru.
8. Pengurusan kewangan yang cekap dan amalan perbelanjaan berhemah ini dapat mengimbangi kenaikan kos pengurusan dan melunaskan bayaran balik pinjaman pembangunan perumahan awam daripada kerajaan persekutuan mengikut jadual walaupun DBKL terpaksa menanggung defisit dalam Akaun Perumahan Awam dan Tabung Perumahan Rakyat.

## **BAJET DBKL 2014**

9. Y.B Menteri Wilayah Persekutuan telah meluluskan Bajet DBKL 2014 pada 20 November 2013. DBKL menerusi Bajet 2014 ini akan meneruskan agenda bagi memastikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang maju dan sejahtera.
10. Bajet DBKL 2014 diluluskan dengan peruntukan sebanyak **RM2.79 bilion** iaitu **RM1.499 bilion** disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM1.290 bilion** pula adalah untuk Peruntukan Pembangunan.



11. Secara keseluruhan terdapat peningkatan sebanyak **20.6%** di dalam Bajet DBKL 2014 berbanding dengan bajet pada tahun 2013 iaitu sebanyak **RM2.31 bilion** (selepas mengambil kira pindaan peruntukan dalam Bajet Tambahan 2013).
12. Program, aktiviti dan projek yang dirancang menerusi Bajet DBKL 2014 adalah selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang menggariskan lima (5) matlamat utama.



- 12.1. **Bandaraya Milik Warga Kota (City For People)** menggambarkan sebuah bandaraya yang menekankan persekitaran yang berkualiti, mengamalkan cara hidup sihat dan selamat, saling berhubung dan menghormati keunikan budaya masing-masing serta harmoni.
- 12.2. **Kemakmuran Ekonomi (Economic Prosperity)** mensasarkan untuk menghapuskan jurang ekonomi dan menghasilkan persekitaran ekonomi yang seimbang dengan memberi peluang sama rata kepada warga kota dalam menceburi bidang perniagaan dan keseimbangan dalam pemilikan harta. Ia juga akan memberi peluang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berupaya menawarkan kepelbagaiannya jenis perniagaan.
- 12.3. **Bandaraya Saling Bersaring (Connected City)** ialah jaringan bandar yang sentiasa berhubung antara satu sama lain melalui rangkaian pengangkutan awam, jalan raya, laluan pejalan kaki dan kenderaan bermotor yang menjadi medium perhubungan secara fizikal dan maya.


- 12.4. **Bandaraya Eko (Eco City)** menggambarkan sebuah bandar raya yang maju dari segi ekonomi di dalam kawasan yang hijau yang mampu memberi ketenangan minda serta mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat untuk menjamin kualiti hidup warga kota.
- 12.5. **Bandaraya Tadbir Urus Cekap (Good Governance)** melahirkan pentadbir yang adil, telus dan cekap dalam menjalankan tanggungjawab menguruskan sumber-sumber bagi memenuhi keperluan orang ramai dan warga kota.
13. Dalam memastikan agenda persekutuan seperti Pelan Transformasi Kerajaan atau GTP serta Pelan Transformasi Ekonomi Kerajaan atau ETP, DBKL sebagai agensi kerajaan bertanggungjawab untuk melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), NKRA dan Greater KL / KV dengan teratur dan sempurna.
14. Penyediaan Bajet 2014 ini juga berkonsepkan ‘public oriented’ di mana pandangan dan idea daripada warga kota diambilkira dalam merangka program, aktiviti dan projek yang dapat memberi impak yang lebih baik kepada semua pihak. Idea dan saranan tersebut dijadikan sebagai input serta maklumat tambahan bagi memastikan perancangan bajet DBKL adalah realistik serta mengambilkira keperluan sebenar masyarakat yang akhirnya dapat memberi impak positif dan manfaat kepada warga kota secara holistik.

### **FOKUS BAJET 2014**

15. Bajet 2014 kali ini adalah bertemakan “**Bandaraya Lestari Wargakota Sejahtera**”. Kelestarian bandar menggambarkan pembangunan mampan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta melindungi persekitaran fizikal untuk menjana perkembangan sosio-ekonomi bandar demi kesejahteraan wargakota.


16. Bajet yang disediakan ini juga mendokong Visi DBKL iaitu '*Merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi citarasa wargakota*' dan yang bercirikan Wilayah Persekutuan Maju serta Bandar Sejahtera.
17. Bagi menyelaras segala aktiviti yang dirancang bagi 2014, DBKL akan memberi penekanan kepada 7 fokus utama berikut :

- 
- 1** Memperkasakan Urus Tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
  - 2** Mempertingkatkan dan Memperluaskan Kebersihan Bandar
  - 3** Mempertingkatkan Kemudahan Infrastruktur: Jalan Raya dan Lampu Jalan, Sistem Laluan Bas, Perparitan dan Sungai
  - 4** Penghijauan Serta Penyelenggaraan Taman-taman Rekreasi Serta Tanah Lapang Secara Intensif
  - 5** Memperbanyakkan Program Kesihatan, Kebudayaan dan Kemasyarakatan
  - 6** Membudayakan Program Penyelenggaraan Harta DBKL dan Harta Awam
  - 7** Menyediakan Unit Kediaman Mampu Milik dan Memasyarakatkan Program Penyelenggaraan Perumahan Awam & Perumahan Rakyat

**RINGKASAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2014****PECAHAN PERUNTUKAN MENGURUS**

18. Di bawah Peruntukan Mengurus, **RM440.99 juta (29.4%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM59.41 juta (4%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa, **RM932.83 juta (62.2%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan. Sejumlah **RM5.57 juta (0.4%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset. Manakala **RM38.67 juta (2.6%)** diperuntukkan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan bakinya **RM21.79 juta (1.4%)** adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain. Peruntukan Mengurus ini telah meningkat sebanyak 6.6% berbanding Peruntukan Mengurus tahun 2013.

## PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2014



19. Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sebanyak **RM1.29 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dan pembelian aset modal. Sebahagian besar daripada peruntukan ini dibiayai oleh kewangan DBKL iaitu sejumlah **RM808.27 juta (63%)** manakala bakinya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Swasta sejumlah **RM482.55 juta (37%)**. Sumber pembiayaan daripada kerajaan merangkumi **RM196.84 juta** melalui projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), **RM18.5 juta** bagi projek NKRA iaitu ***Park & Ride***, hentian bas, jejantas dan laluan pejalan kaki berbumbung. Seterusnya **RM259.66 juta** di bawah program NKEA - Greater KL / KV bagi projek ***River of Life, Greener KL, Pedestrian Network*** dan ***Global Attraction***. Manakala **RM7.55 juta** diperuntukkan bagi projek laluan pejalan kaki berbumbung (***Pedestrian Linkages***) yang disumbangkan oleh pihak swasta iaitu Petronas.

## **PROGRAM BAJET 2014**

### **Saraan Kakitangan**

20. Sejumlah **RM440.99 juta** atau **29.4%** daripada Peruntukan Mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji dan bayaran-bayaran elauan perkhidmatan untuk 10,391 perjawatan. Ini merangkumi jawatan tetap sebanyak 8,863 perjawatan dan jawatan kontrak sebanyak 1,528 perjawatan. Anggaran peruntukan ini telah meningkat sebanyak **14%** berbanding dengan peruntukan 2013 sebanyak **RM386.66 juta**.
  
21. Peruntukan Elauan Lebih Masa bagi 2014 meningkat sebanyak **7.2%** kepada **RM59.4 juta** daripada **RM55.4 juta** pada 2013. Keperluan melaksanakan kerja-kerja lebih masa terutama sekali melibatkan kerja-kerja penguatkuasaan awam, pembersihan bandar, pembangunan serta kerja-kerja penyelenggaraan taman dan jalan raya yang mana perlu dilakukan di luar waktu pejabat disebabkan kecemasan, pemantauan dan operasi bersepadu bersama pihak berkuasa lain.

### **Program Pengurusan dan Pentadbiran**

22. Pentadbiran DBKL perlu dimantapkan dari segi kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan melalui penggunaan sistem ICT, peralatan berteknologi, persekitaran pejabat yang kondusif termasuk menyediakan pusat latihan kakitangan. Sejumlah **RM184.57 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan program dan mempertingkatkan kemudahan pengurusan seperti berikut :
  - 21.1. Sejumlah **RM103.2 juta** diperuntukkan bagi pengurusan pejabat dan hal ehwal pentadbiran termasuk penyelenggaraan kenderaan, penyewaan pejabat, penyelenggaraan sistem serta penyewaan komputer.
  
  - 21.2. Sementara itu sejumlah **RM58.1 juta** disediakan untuk bayaran kepada syarikat utiliti bagi tujuan bekalan elektrik, air, dan telefon.
  
  - 21.3. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan di samping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan.

Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja lebih produktif. Bagi tujuan ini, sejumlah **RM23.3 juta** diperuntukkan.

### Program Pembersihan Bandar

23. Selain daripada menyediakan bandar yang terurus dan bersih secara berterusan, DBKL perlu memberi perhatian khusus sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014. Ini untuk memastikan aspek kebersihan menjadi daya penarik kepada pelancong bagi menjadikan Kuala Lumpur antara destinasi pilihan dan tinggal lebih lama. Secara tidak langsung, ia akan memberi gambaran dan imej yang baik di mata antarabangsa. Tiga (3) kawasan tumpuan awam yang akan terus diberi keutamaan dari segi pembersihan awam adalah Chow Kit, Bukit Bintang dan sekitar Jalan Petaling dan akan diperluaskan ke kawasan lain.
24. Secara keseluruhan, peruntukan bagi mempertingkatkan kebersihan bandar adalah sebanyak **RM227.15 juta** disediakan. Ia merangkumi peruntukan sebanyak **RM164 juta** bagi tujuan pembersihan dan pencucian siar kaki, jalan, longkang dan kutipan sampah di Kuala Lumpur kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Bagi memantau dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan bandar, DBKL telah melaksanakan penetapan jadual kerja dan KPI bagi tahap perkhidmatan (**service level**). Antara pengukuran yang diambilkira ialah dari segi kerja-kerja pungutan sampah dan pembersihan jalan serta longkang.
25. Di samping itu, DBKL juga memperuntukkan sebanyak **RM63 juta** untuk program pemindahan sampah di Taman Beringin dan pelupusan sampah di Bukit Tagar Sanitary Landfills. Dianggarkan sejumlah 2,500 hingga 2,600 tan metrik sisa domestik dan sisa pukal perlu diuruskan oleh DBKL pada setiap hari atau 949,000 tan metrik setahun.

## Program Kemudahan Infrastruktur: Jalan Raya dan Lampu Jalan, Sistem Lalulintas dan Perparitan Serta Sungai

26. Bagi tahun 2014, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM103.3 juta** di bawah Peruntukan Mengurus bagi kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan-jalan awam, kawasan perumahan dan lorong sisi / belakang di seluruh Kuala Lumpur yang dianggarkan sepanjang 2,010 km. Ianya juga termasuk kerja-kerja membaikpulih jalan dan persimpangan merbahaya serta longkang.
27. Selain itu di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM268.6 juta** disediakan bagi tujuan membina dan menaiktaraf jalan raya. DBKL merancang untuk melaksanakan 34 Projek di mana 27 projek merupakan pembiayaan DBKL dengan anggaran sebanyak **RM199.1 juta** manakala 7 projek di bawah pembiayaan RMK10 sebanyak **RM69.5 juta**. Antaranya adalah mempertingkatkan Jalan Genting Kelang, membaiki dan memperkuatkukan cerun-cerun akibat tanah runut, membina jambatan Sungai Gombak, mempertingkatkan Jalan Segambut dari jambatan KTM ke Mont Kiara dan membina persimpangan beringkay di Jalan Ampang / Jalan Jelatek.
28. Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat dan Bandaraya Taman Bercahaya, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa cerah bercahaya dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalanraya. Sejumlah **RM33 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus di mana sebanyak **RM20 juta** disediakan bagi penyelenggaraan 40,000 lampu *lantern* untuk lampu jalan, lampu limpah dan **RM13 juta** bagi bayaran bil elektrik.
29. DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM14 juta** di bawah Peruntukan Pembangunan bagi kerja-kerja pemasangan lampu-lampu awam dan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan jenis LED di jalan-jalan dan taman-taman utama.
30. Anggaran Peruntukan Mengurus bagi aktiviti penyelenggaraan sistem lalulintas, pejalan kaki, sistem letak kereta dan hentian pengangkutan awam adalah berjumlah **RM57.9 juta**.

31. Perkara yang diambilkira dalam Peruntukan Mengurus ini termasuklah penyelenggaraan dan operasi ITIS sebanyak **RM32.5 juta** serta penyelenggaraan dan bil elektrik lampu-lampu isyarat sebanyak **RM6 juta**.
32. Bagi menambahbaik tahap keselamatan pengguna jalanraya dan pejalan kaki, program pemasangan pagar keselamatan, penyelenggaraan CCTV, papan tanda, mengecat tanda garisan dan bonggol, sejumlah **RM19.4 juta** disediakan.
33. Selain itu, Peruntukan Mengurus bagi program penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan pejalan kaki, sejumlah **RM8.12 juta** disediakan bagi tujuan penyelenggaraan ruang menunggu teksi, terminal bas, kemudahan pejalan kaki dan pengurusan tempat kereta.
34. Di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM71.5 juta** disediakan bagi mempertingkatkan sistem lalulintas, pejalan kaki, sistem letak kereta dan hentian pengangkutan awam. Di bawah program ini, sejumlah **RM26.8 juta** merupakan pembiayaan DBKL, RMK10 sebanyak **RM1.65 juta**, NKRA sebanyak **RM18.5 juta**, Greater KL / KV (*Pedestrian Network*) sebanyak **RM17 juta** dan sejumlah **RM7.55 juta** dibiayai oleh Petronas (*Pedestrian Linkages*).
35. DBKL telah bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memastikan sungai-sungai utama yang dianggarkan sepanjang 120 km dan parit induk sepanjang 330 km diselenggara mengikut jadual bagi memastikan hidraulik kapasiti sungai dapat menampung aliran supaya masalah banjir kilat yang melanda bandar raya dapat dielakkan.
36. Anggaran Peruntukan Pembangunan bagi kerja-kerja perparitan dan penyelenggaraan sungai adalah berjumlah **RM271.4 juta**. Di bawah program ini, sejumlah **RM44.3 juta** merupakan pembiayaan DBKL, **RM11.5 juta** di bawah pembiayaan RMK10 melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan sungai serta pewartaan rezab sungai dan kolam takungan banjir manakala **RM215.6 juta** daripada peruntukan di bawah NKEA - Greater KL / KV (*River Of Life*).

## Program Penghijauan dan Penyelenggaraan Taman-Taman Rekreasi Serta Tanah Lapang

37. Aspek alam sekitar memainkan peranan penting bagi mengimbangi kepesatan hutan konkrit di sekitar Kuala Lumpur. Usaha untuk menghijaukan Bandaraya ini boleh dilaksanakan dengan menerapkan elemen landskap pada susun atur di semua taman awam, rangkaian kemudahan jalanraya dan tanah lapang. Sehingga kini DBKL telah menanam 96,098 batang pokok di bawah program Greener KL. Ini akan merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari menjelang tahun 2020.
38. Di bawah Peruntukan Mengurus, sejumlah **RM60.34 juta** disediakan bagi membiayai program penghijauan dan juga penyelenggaraan taman-taman awam di sekitar Kuala Lumpur. Sejumlah **RM34.3 juta** diperuntukkan bagi aktiviti pengindahan dan penyelenggaran tiga (3) taman utama (Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Tasik Permaisuri), tiga belas (13) taman awam, padang, tanah lapang dan taman permainan. Di samping itu, sebanyak **RM22.3 juta** disediakan bagi tujuan penyelenggaraan pokok dan bunga-bunga, **RM1.49 juta** diperuntukkan bagi penyelenggaraan haiwan dan pasukan berkuda manakala penyelenggaraan sistem pancutan air disediakan sebanyak **RM2.25 juta**.
39. Di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM122.33 juta** disediakan bagi program ini. DBKL memperuntukkan sebanyak **RM86.23 juta** bagi tujuan menyediakan kemudahan serta menaiktaraf Taman Botani Perdana dan taman-taman rekreatif, pengindahan landskap, program penanaman pokok, membina gelanggang futsal dan padang bola. Di bawah pembiayaan RMK10, sejumlah **RM22.1 juta** adalah bagi pembangunan Taman Botani Perdana, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi dan menaiktaraf kemudahan OKU di taman awam. Manakala di bawah program NKEA Greater KL / KV pula, sejumlah **RM14 juta** diperuntukkan bagi projek **Greener KL**.

## Program Kemasyarakatan, Kebudayaan, Sukan dan Kesihatan

40. Peranan DBKL bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata, malahan DBKL juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan pembangunan masyarakat warga kota. Masyarakat yang sejahtera merupakan jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur berdaya saing dan terus maju. Demi merealisasikan wawasan kebangsaan bagi mewujudkan masyarakat harmoni dan sejahtera, sejumlah **RM37.16 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan program khas komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong. Tidak ketinggalan juga siri motivasi bagi golongan remaja, warga emas, golongan miskin dan ibu tunggal, program khas ‘*Local Agenda 21*’, program Hari Wilayah serta program khas OKU turut diberi perhatian.
41. Bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sejumlah **RM16.55 juta** diperuntukkan bagi kegiatan pertunjukan kebudayaan dan persembahan muzik.
42. Sementara itu, sejumlah **RM2.21 juta** turut diperuntukkan bagi kegiatan sukan dan rekreasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
43. Selain memastikan warga kota berada dalam persekitaran yang bersih dan cantik, DBKL pada masa yang sama turut mengambil berat hal penjagaan kesihatan yang berkait dengan masalah penyakit yang berpunca dari bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Beberapa siri program *COMBI* (*Communication For Behavior Impact*) telah dijalankan bagi memberi kesedaran berterusan tentang langkah-langkah pencegahan bagi mengawal penularan wabak denggi. Justeru, DBKL telah memperuntukkan sebanyak **RM6.75 juta** pada tahun 2014.

## Program Penyelenggaraan Harta DBKL dan Harta Awam

44. Anggaran Peruntukan Mengurus bagi program ini adalah sebanyak **RM68.4 juta** yang meliputi penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan dan kawalan keselamatan bangunan. Ini termasuk bangunan milik DBKL, pusat kemudahan sukan, penjaja dan dewan orang ramai seperti berikut :

- 44.1. Bangunan pejabat sejumlah **RM37.62 juta**.
  - 44.2. Bangunan kemudahan sukan dan dewan orang ramai sejumlah **RM5.6 juta**.
  - 44.3. Pasar berbangunan, kiosk dan pusat penjaja sejumlah **RM11.54 juta**.
  - 44.4. Kuarters, rumah buruh dan lain-lain bangunan sejumlah **RM5.65 juta**.
  - 44.5. Pembersihan pejabat dan bangunan sejumlah **RM7.98 juta**.
- 
45. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM185.21 juta** disediakan bagi melaksanakan kerja-kerja membina, mengubahsuai dan menaiktaraf bangunan-bangunan pejabat, kemudahan awam, kemudahan OKU, pusat penjaja, pasar dan gerai, kemudahan sukan, kemudahan kakitangan serta kemudahan kampung. Projek-projek yang dibiayai oleh DBKL adalah sebanyak **RM93.12 juta** manakala pembiayaan di bawah RMK10 sejumlah **RM92.09 juta**.

#### **Program Menyediakan Unit Kediaman Mampu Milik dan Penyelenggaraan Perumahan Awam & Perumahan Rakyat**

46. DBKL juga peka dan prihatin perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada warga kota. Selari dengan hasrat Kerajaan di bawah Program Perumahan 1 Malaysia, DBKL akan melaksanakan projek pembangunan mampu milik dan pembelian perumahan kos sederhana dengan kos projek sebanyak **RM115 juta**. Semua projek ini akan dijual kepada orang awam dan merupakan projek *self-financing*. Peruntukan sejumlah **RM3 juta** disediakan pada 2014 bagi menjayakan program tersebut seperti berikut :

- 46.1. Pembangunan Perumahan Mampu Milik Kg. Wirajaya, Setapak dengan peruntukan **RM1 juta** (Kos Projek **RM50 juta**).
- 46.2. Pembangunan Perumahan Mampu Milik Indian Settlement, Kg. Pandan dengan peruntukan **RM1 juta** (Kos Projek **RM50 juta**).
- 46.3. Pembelian 200 unit rumah kos sederhana daripada pemaju swasta dengan peruntukan **RM1 juta** (kos projek **RM15 juta**).

47. Selain itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM17.3 juta** bagi penggantian lif di PA dan PPR serta kerja membaikpulih PPR Bukit Jalil dan PPR Muhibbah.
48. Pada masa sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menguruskan serta menyelenggara sebanyak 62,568 unit rumah sewa PA dan PPR serta rumah jual. Daripada keseluruhan unit PA dan PPR, sebanyak 45,358 unit ditawarkan kepada penyewa sedia ada untuk dijual bagi memberi peluang kepada golongan warga kota yang berpendapatan rendah memiliki rumah di Kuala Lumpur.
49. Walaupun sebanyak 7,871 unit (17 %) telah dijual sehingga November 2013, DBKL masih bertanggungjawab dalam memastikan keselesaan penduduk. Justeru, Peruntukan Mengurus sebanyak **RM122.37 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan.

### Pemberian & Kenaan Tetap

50. Peruntukan Mengurus bagi pemberian dan kenaan tetap adalah sebanyak **RM38.67 juta** dengan penaikan sebanyak **24.7%** berbanding tahun 2013.
51. Sebahagian daripada peruntukan tersebut merupakan sumbangan DBKL yang disalurkan kepada pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan, badan sukan serta badan sosial bagi membantu pembangunan sukan, persatuan-persatuan kebajikan, sosial, kesenian dan kemasyarakatan serta PIBG sekolah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti persatuan. Konsep sumbangan ini adalah sebagai satu insentif dalam menjalankan aktiviti berbentuk perpaduan dan kesejahteraan bandar kepada masyarakat setempat.

### Perbelanjaan Lain

52. Peruntukan Mengurus sebanyak **RM26.80 juta** disediakan untuk tujuan menjelaskan cukai tanah, insuran, penilaian semula, bayaran pampasan dan bayaran pelarasian perbelanjaan tahun lepas.

53. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan, sebanyak **RM260.80** juta disediakan bagi tujuan pengambilan dan pembayaran premium tanah, kerja ukur dan hak milik strata, naik taraf dan pengindahan kawasan, projek kecil perumahan, pelan tempatan dan pelan struktur KL serta program mengecat dan pemantapan bangunan.

## **ANGGARAN HASIL 2014**

54. Pada tahun 2014, DBKL dijangka memperolehi hasil sebanyak **RM2.13 bilion**. Cukai taksiran merupakan hasil utama di mana menyumbang sebanyak **56%** daripada hasil keseluruhan DBKL. Penilaian semula harta tanah akan dilaksanakan pada tahun 2014 ke atas 500,000 unit pegangan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil daripada pelaksanaan penilaian semula ini, DBKL dijangka akan dapat menambah hasil cukai taksiran sebanyak **RM200** juta setahun.
55. Pada perancangan awal, akan berlakunya peningkatan sebanyak **36%** hasil cukai taksiran kepada **RM1.2 bilion**. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira pengumuman oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan baru-baru ini berkaitan penurunan kadar cukai taksiran dan insentif yang akan diberikan kepada orang awam, hasil dijangka akan bertambah sebanyak **28%** sahaja dari sumber ini.
56. Selain daripada itu, hasil lain termasuklah bayaran kawalan binaan dan perancangan sebanyak **RM272.5** juta, hasil sewa perumahan dan caj perkhidmatan berjumlah **RM81.7** juta dan lesen sebanyak **RM56.2** juta.
57. Sementara itu DBKL dijangka akan menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat dalam bentuk geran berjumlah **RM135.1** juta iaitu geran penyelenggaraan jalan raya (*Marris*) berjumlah **RM33** juta, geran khas sebanyak **RM4** juta dan *outright grant* sebanyak **RM98.1** juta.

58. Untuk menampung sebahagian daripada bajet pembangunan akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), NKRA dan Greater KL / KV sebanyak **RM475 juta** dan pembiayaan swasta (Petronas) sebanyak **RM7.5 juta**.
59. Dengan mengambilkira perkara-perkara di atas, DBKL dijangka akan menggunakan rizab sebanyak **RM292.7 juta** untuk membiayai projek-projek pembangunan.

## **PENUTUP DAN RUMUSAN**

60. Secara keseluruhannya DBKL akan mengalami *bajet defisit* sebanyak **RM292.7 juta** dan ianya akan ditampung oleh rizab pembangunan sedia ada di mana hasil semasa dan peruntukan kerajaan berjumlah **RM2.497 bilion** tidak mencukupi untuk menampung peruntukan mengurus dan pembangunan sebanyak **RM2.79 bilion**.
61. Melalui Bajet 2014, usaha-usaha akan diperkaskan bagi mempertingkatkan pelaksanaan program-program yang dirancang khususnya melalui projek-projek pembangunan dapat memberikan kemudahan yang terbaik kepada warga kota Kuala Lumpur dan pelanggannya.
62. Budaya pengurusan kewangan yang teratur dan cekap akan sentiasa diutamakan dengan menerapkan amalan perbelanjaan berhemah dan 'value for money' bagi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan integriti di dalam pengurusan kewangan DBKL.
63. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas, besarlah harapan saya agar program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan dapat memberi manfaat kepada warga kota dan impak yang baik terhadap pembangunan bandar raya Kuala Lumpur dari segi fizikal, ekonomi dan sosial.

## **SEKIAN.**